

## Proton e.MAS 7 Dilancarkan Secara Rasmi oleh Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim

- *EV nasional pertama bantu untuk memulakan penerimaan mobiliti lestari di Malaysia*
- *Harga bermula dari RM109,800 dengan enam insentif bernilai sehingga RM8,000 tawaran untuk masa terhad*

**KUALA LUMPUR, 16 Disember 2024** – Jenama automotif nasional PROTON, pada hari ini melangkah ke era baharu dalam pasaran kenderaan elektrik (EV) apabila cabang kenderaan tenaga baharunya, PRO-NET, melancarkan Proton e.MAS 7 sebagai kenderaan elektrik pertama negara. Pelancaran bersejarah ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan menandakan satu babak baharu dalam usaha Malaysia memperkukuhkan komitmen terhadap mobiliti lestari dengan mendorong penggunaan EV untuk pengurangan jejak karbon.

Turut hadir pada pelancaran tersebut YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air; YB Tuan Anthony Loke, Menteri Pengangkutan; YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri; YB Tuan Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar; serta YB Liew Chin Tong, Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri dan Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara.

Pemegang saham PROTON diwakili oleh Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin, Pengerusi DRB-HICOM; Jerry Gan Jiayue, Ketua Pegawai Eksekutif Geely Auto Group dan Dr. Wei Mei, Naib Presiden Kanan Geely Auto Group. Sementara itu, pihak PROTON diwakili oleh Tan Sri Syed Faisal Albar, Pengerusi PROTON; Dr. Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON dan Roslan Abdullah, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

### **Memanfaatkan Kerjasama Teknikal dalam Memperkasakan Malaysia untuk Peralihan ke Mobiliti Lestari**

PROTON melihat pelancaran EV nasional pertama Malaysia sebagai langkah ke arah kelestarian dan inovasi dalam sektor pengangkutan negara. Usaha ini selaras dengan Plan Peralihan Tenaga Nasional (NETR) yang bertujuan menjadikan Malaysia sebuah negara dengan pelepasan karbon sifar menjelang 2050. Pelancaran jenama e.MAS serta Proton e.MAS 7 adalah antara langkah utama yang diambil untuk mencapai matlamat ini.

EV nasional pertama adalah hasil usaha gigih PROTON dalam membangunkan kenderaan elektrik sulungnya. Proton e.MAS 7 menonjolkan komitmen syarikat terhadap inovasi dan menjadi bukti kerjasama erat dengan rakan kongsi, Geely. PROTON dan GEELY telah meluangkan lebih 700,000 jam kerja untuk membangunkan model ini dan kemudian menjalankan ujian sejauh 100,000 km merentasi pelbagai jenis permukaan jalan di Malaysia serta dalam pelbagai keadaan cuaca yang mencabar.

“Melalui kerjasama erat dengan rakan kongsi kami, PROTON berjaya membangunkan produk bertaraf global yang membolehkan kami mengambil langkah besar ke arah masa depan lestari untuk industri automotif Malaysia. Dengan pengalaman lebih 40 tahun dalam industri automotif tempatan, PROTON memiliki kepakaran untuk membangunkan sebuah kenderaan, termasuklah rangkaian pembekalan yang kukuh hingga ke perkhidmatan selepas jualan yang menyeluruh. Kami percaya ini merupakan langkah penting menuju masa hadapan sekaligus menegaskan komitmen kami terhadap inovasi dan pertumbuhan selaras dengan visi negara untuk masa depan yang lebih hijau dan neutral karbon,” kata Dr. Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON.

### **Proton e.MAS 7 Mendahului Inovasi, Dilengkapi Teknologi Terkini dan Ciri Keselamatan 5 Bintang**

Proton e.MAS 7 serba baharu hadir dalam dua varian, Prime dan Premium yang ditawarkan dalam lima pilihan warna iaitu *Platinum Silver*, *Turquoise Green*, *Slate Grey*, *Quartz Rose* dan *Lithium White*. Warna-warna ini dipilih untuk melengkapi gaya yang menyerlahkan reka bentuk Proton e.MAS 7.

Dengan cogan kata '*Intelligence that Electrifies*', EV pertama PROTON dilengkapi dengan teknologi terkini. Dibina pada platform *Global Modular Architecture* (GMA) dan dikuasakan oleh sistem pendorong elektrik canggih 12-

dalam-1 yang terbaik, ia menampilkan seni bina bateri *Cell-to-Body* (CTB) yang inovatif. Menariknya, ia juga memperkenalkan *Aegis Short-Blade Battery*, generasi baharu bateri *lithium iron phosphate* (LFP), yang menetapkan piawaian baharu dalam keselamatan, kecekapan, dan prestasi untuk kenderaan elektrik. SUV elektrik segmen C ini dilengkapi dengan L2-ADAS (Sistem Bantuan Pemandu Tahap 2) dan Kamera Pandangan 360 Darjah, memperoleh penarafan 5-Bintang ASEAN NCAP.

Unit pemanduan elektrik 12-dalam-1 menghasilkan 160kW dan 320Nm tork, menggerakkan e.MAS 7 dari 0 hingga 100km/j dalam masa 6.9 saat dan jarak brek dari 100km/j hingga berhenti sepenuhnya dapat dicapai dalam hanya 35 meter. Versi Prime dilengkapi dengan bateri 49.52kWh dengan jarak WLTP 345km, manakala varian Premium menawarkan bateri 60.22kWh, menambahkan jarak kepada 410km. Kedua-dua varian ini menyokong pengecasan pantas DC yang membolehkan pengecasan dari 30% hingga 80% hanya dalam masa 20 minit, mendapatkan semula sehingga 135km jarak dalam hanya 10 minit pengecasan.

Di dalam bahagian ruang kabin, pengalaman pemandu dipertingkatkan semasa memandu dengan kerusi kereta terdapat aliran penyaman udara yang sangat selesa dan ruang kaki yang luas serta terdapat 33 ruang penyimpanan. Dipadankan dengan sistem *Flyme Sound* 16 pembesar suara bersama Sistem WANOS dan Pencahayaan Ambien 256 warna terbaik dalam kelasnya, paparan pemuka 15.4 inci dengan resolusi 2.5K dilengkapi dengan peta pengecasan yang diintegrasikan untuk membantu mencari lebih 1,700 poin pengecasan, dengan rangkaian yang semakin berkembang lebih daripada 85% di seluruh Malaysia. Perkembangan ini adalah hasil daripada kerjasama dengan pengendali poin pengecasan (CPO), termasuk Gentari, JomCharge, chargEV, dan DC Handal, Carput Zap dan ChargeSini.

"Dari menjadi jenama SUV paling laris di Malaysia, PRO-NET berhasrat untuk mengikuti langkah kejayaan ini dengan Proton e.MAS dalam segmen EV. Kami tahu ini adalah segmen yang sangat kompetitif, tetapi kami yakin sepenuhnya dengan tawaran kami dan matlamat kami adalah untuk terus berinovasi serta membolehkan rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat untuk beralih ke mobiliti lestari. Untuk masa akan datang, kami merancang untuk mengeksport model ini bermula dengan Singapura, Trinidad & Tobago, Mauritius dan Nepal tahun depan, yang akan membantu kami mengukuhkan kedudukan kami di pasaran antarabangsa dan memperkukuhkan komitmen kami untuk menyediakan penyelesaian mobiliti mesra alam dan mudah diakses di seluruh dunia," kata Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET.

PRO-NET telah melantik 37 pengedar di seluruh negara setakat ini, dan 30 daripadanya akan beroperasi sepenuhnya menjelang akhir 2024. Bagi mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai model ini, sila muat turun Aplikasi Proton e.MAS dari [Apple App Store](#), [Google Play Store](#), dan [Huawei App Gallery](#) untuk membuat tempahan atau lawati <https://emas.proton.com/>.

### **Enam *Power Pack* dengan Harga Pelancaran Istimewa Untuk 3,000 Pelanggan Pertama**

Bagi menyambut pelancaran Proton e.MAS 7, pembeli akan menerima pakej manfaat yang komprehensif, untuk tawaran masa terhad, bernilai sehingga RM8,000 untuk pemilikan kenderaan ini. Enam *Power Pack* Pelancaran adalah seperti berikut:

#### ***Power Home***

- Pengecas 7kW *Home Charger* Percuma bernilai RM 1,500

#### ***Power Plus***

- V2L Adaptor Percuma bernilai RM 500

#### ***Power Online***

- 5-Tahun Data Internet Tanpa Had bernilai RM 1,800

#### ***Power Thru***

- Jaminan Kenderaan Jarak Tanpa Had selama 6 tahun
- Jaminan Bateri dan Komponen Bervoltan Tinggi 8-Tahun / 160,000km

### Power Financing

- Kadar Faedah 1.98% dari Proton Commerce sehingga RM3,000

### Power Exchange

- Rebat Eksklusif Proton *Owner Trade-In* bernilai RM 1,200

Harga Atas Jalan (tanpa insurans) bagi Proton e.MAS 7 Prime dan Premium adalah seperti berikut:

Varian	Semenanjung Malaysia	Sabah & Sarawak
e.MAS 7 Prime	RM 109,800	RM 112,800
e.MAS 7 Premium	RM 123,800	RM 126,800

Tawaran Pelancaran Istimewa untuk 3,000 Pelanggan Pertama dengan rebat RM 4,000, Harga Atas Jalan (tanpa insurans) bagi Proton e.MAS 7 Prime dan Premium adalah seperti berikut:

Variant	Semenanjung Malaysia	Sabah & Sarawak
e.MAS 7 Prime	RM 105,800	RM 108,800
e.MAS 7 Premium	RM 119,800	RM 122,800

**-Tamat-**

### Mengenai Proton e.MAS

Proton e.MAS ialah jenama kenderaan elektrik nasional dan tenaga baharu pertama Malaysia, sub-jenama PROTON dan diedarkan oleh PRO-NET. Berperanan penting dalam penerimaan EV dan membina ekosistem jenama, Proton e.MAS komited untuk menerajui usaha ke arah pengangkutan lestari dengan dedikasi yang teguh terhadap inovasi dan kecemerlangan. Rangkaian pengedar yang semakin berkembang, perkhidmatan selepas jualan yang komprehensif, dan ekosistem kami memastikan setiap pelanggan menikmati pengalaman yang lancar dan memuaskan. Misi kami, selaras dengan syarikat induk kami PROTON, adalah untuk MENGINSPIRASI HUBUNGAN dengan terus memberikan Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan, dan Piawai Antarabangsa. Proton e.MAS telah dilancarkan pada 12 Jun 2024.

### Proton e.MAS

Facebook: <https://www.facebook.com/ProtonEMASOfficial/>

Instagram: <https://www.instagram.com/protonemasofficial/>

TikTok: <https://www.tiktok.com/@proton.e.mas/>

### Issued by:

#### PRO-NET

Salawati Mohd Yusoff  
 Chief Branding Officer  
 Telephone: +6012-219 4581  
 Email: [salawati@proton.com](mailto:salawati@proton.com)

Faisal Shah Mohamed Shah  
 Senior Manager Group Communication  
 Telephone: +6019-321 8897  
 Email: [faisalshah@proton.com](mailto:faisalshah@proton.com)

Agus Mohd Nawiah  
 Senior Executive, Public Relations  
 Telephone: +6017-232 6225  
 Email: [agusmn@proton.com](mailto:agusmn@proton.com)

### For media enquiries, please contact H/Advisors Klareco on behalf of PRO-NET:

Nicholas Nathaniel Raj  
 H/Advisors Klareco  
 Telephone: +6017 610 3249  
 Email: [nicholas.raj@h-advisors.global](mailto:nicholas.raj@h-advisors.global)

Joshua Fredrick  
 H/Advisors Klareco  
 M: +6012 392 8943  
 Email: [joshua.fredrick@h-advisors.global](mailto:joshua.fredrick@h-advisors.global)